

UPSI/PEND/BG1/597(02/11)

25 Januari 2011

20 Safar 1432H

SPP UPSI BIL. 2 TAHUN 2011

Semua
Ketua Pusat Tanggungjawab
Universiti Pendidikan Sultan Idris

Y. Bhg. Dato'/Prof./Tuan/Puan,

PEMATUHAN PERATURAN CUTI KAKITANGAN

Dengan hormatnya perkara di atas adalah dirujuk.

2. Berdasarkan maklumat yang diterima dan Laporan Auditan Cuti oleh Unit Audit Dalam, ada di antara kakitangan Universiti yang telah membuat permohonan cuti mengikut peraturan sedia ada tetapi sebelum kelulusan diberi oleh Ketua Pusat Tanggungjawab masing-masing telah pun bercuti.

3. Untuk makluman pihak tuan/puan peruntukan cuti yang diberikan kepada kakitangan adalah hak tetapi untuk bercuti adalah keistimewaan dan bukannya hak sehinggalah permohonan cuti itu diluluskan. Oleh yang demikian, pihak yang bertanggungjawab (pegawai/ Ketua PTj yang memperakukan/meluluskan cuti) hendaklah memastikan kebenaran diberikan terlebih dahulu di dalam portal atau borang sebelum kakitangan tersebut bercuti.

4. Sekiranya perkara ini tidak dilaksanakan surat amaran akan dikeluarkan oleh pihak BSM dan tindakan tegas boleh dikenakan atas kecuaiannya melaksanakan tugas kepada pegawai yang memperaku atau meluluskan cuti. Selain itu, kakitangan yang memohon cuti juga diingatkan supaya tidak bercuti sehingga cuti diperakukan bagi mengelakkan daripada dikenakan tindakan.

5. Kerjasama pihak tuan/puan memberi perhatian ke atas perkara ini adalah amat dihargai dan pemantauan akan berkuatkuasa 1 Februari 2011.

Sekian, terima kasih.

"PENDIDIKAN GEMILANG MENUJU WAWASAN"

Yang benar,

(DATO' RUSLEY BIN TAIB)

Pendaftar
Universiti Pendidikan Sultan Idris

s.k : Y. Bhg. Dato' Naib Canselor
Timbalan Naib Canselor (Akademik & Antarabangsa)
Timbalan Naib Canselor (Penyelidikan & Inovasi)
Timbalan Naib Canselor (Hal Ehwal Pelajar & Alumni)